

05/11/1999

16 penerjun negara tawan Kutub Utara

Johnny Giles Senin

SEMANGAT 'Malaysia Boleh' sekali lagi mengharumkan nama Malaysia di arena antarabangsa apabila 16 penerjun negara berjaya menjejakkan kaki di Kutub Utara - kawasan paling sejuk di dunia, pada awal pagi 21 April 1998.

Malah, penerjunan dari ketinggian hampir 3,000 meter itu juga berjaya menurunkan kereta nasional, Proton Wira 1.5. Kumpulan penerjun itu menjejakkan kaki di Kutub Utara pada kira-kira jam 1.50 pagi (waktu Malaysia).

Malaysia adalah negara Asia pertama berjaya tiba di Kutub Utara, yang sebelum ini dilakukan oleh warga Amerika Syarikat, Jerman, Kanada, Russia, Itali dan United Kingdom.

Ini adalah kejayaan kedua negara selepas dua rakyat Malaysia mencatat sejarah apabila berjaya menjejak kaki di puncak Gunung Everest pada 1997.

Ekspedisi payung terjun itu diketuai Abdul Rahim Dahalan, 51, atau lebih dikenali dengan gelaran Rahim King. Penerjunan oleh 16 peserta terbabit mengambil masa hampir setengah jam dan mereka berada selama dua jam di Kutub Utara. Penerjunan itu turut disertai seorang ibu kepada lima anak, Nordziah Mohd Nor, 39, dan peserta termuda, Mohd Shamsul Mohamed Amin, 21.

Tiga belas peserta lain ialah Ketua Penerjun, Lt (B) A Aziz Ahmad; Timbalan Ketua Penerjun, Kapt (B) Abdul Rahmat Omar Tun Mohd Haniff; Mejar Amran Abdul Rashid, LUK Sulaiman Alwee, Lt Ahmed Ab Rahman, Sjn Maznan Mat Isa, Lt Ahmad Ramli Kardi, BM PPL (PKL) Mohd Idros Mohd Yusop, Sjn Mohd Hazamuzakar Mohd Hatim, Kpl Ramlee Alias, Ramli Mat Idin, Mejar Kamaruddin Abdullah dan Kapt (B) Mohd Noorizan Mohd Yunus.

Turut menyertai ekspedisi itu ialah sekretariat hadapan, iaitu pegawai perubatan ekspedisi, Dr M Kamaruddin M Isa; Bendahari Ekspedisi, Md Redzuan Tumin dan Pegawai Media Ekspedisi, Abd Halim Ab Majid.

Walaupun jadual asal peserta Ekspedisi Terjun Bebas Kutub Utara melakukan penerjunan pada 19 April 1998 dibatalkan akibat ribut salji melanda Pulau Sydney, namun ia sedikitpun tidak menjejaskan semangat peserta.

Tekad mereka untuk mencipta sejarah negara tercapai apabila 16 penerjun berjaya melakukan terjun bebas sekali gus memacakkan Jalur Gemilang di permukaan salji itu pada 21 April 1998.

Sebagai ketua, Rahim King memainkan fungsi dan tanggungjawab besar dalam memastikan ekspedisi ke bumbung dunia berjaya, di samping membina moral peserta supaya tidak cepat mengalah.

Menurut Rahim King, beliau dan peserta lain sebenarnya tidak pernah patah semangat malah penangguhan terjunan dari jadual asal menjadikan mereka lebih bersedia.

Menceritakan pengalamannya, Rahim King berkata semuanya berdebar menantikan saat bukan saja demi negara malah mencipta rekod peribadi.

"Kami bertolak ke Kutub Utara dalam dua kumpulan pada 19 April dari Katanga, iaitu di tengah Siberia. Saya dalam kumpulan pertama. Antara yang bersama saya ialah Nordziah, Mohd Shamsul Mohamed Amin, Lt (B) A Aziz Ahmad dan Mohd Idros Mohd Yusop.

"Dari situ kami bergerak ke Ice Airport, iaitu kira-kira 18 kilometer dari Kutub Utara dan pada 20 April jam 10 malam waktu Malaysia kami menaiki helikopter ke Kutub Utara dan tunggu di sana sehingga 21 April untuk melakukan penerjunan pada jam 1.45 pagi waktu Malaysia," katanya.

Menurut Rahim King keadaan cuaca yang terang sewaktu penerjunan itu dilakukan turut membantu kejayaan ekspedisi.

"Seperti yang kami jangkakan Kutub Utara memang suatu tempat yang terpercil dengan suhu yang terlalu sejuk.

"Kami agak bertuah walaupun usaha kali pertama terpaksa ditangguhkan berikutan ribut salji namun nasib memang menyebelahi kami."

"Suhu pada usaha kedua agak baik, iaitu 25 darjah celcius di bawah paras beku. Keadaan langit cerah juga seolah-olah memberi satu harapan kepada kami untuk melakukan penerjunan.

"Seperti yang semua tahu, kami akhirnya berjaya menawan Kutub Utara," katanya.

Sebelas lagi anggota bersama tujuh anggota sokongan pula berjaya membuat penerjunan bebas di kawasan itu. Mereka juga mencipta satu lagi sejarah apabila berjaya mencipta rekod baru yang juga boleh dianggap rekod dunia.

Ini kerana sebelum ini tidak ada mana-mana negara yang melakukan formasi secara formal. Sebelum ini negara memang pernah menjejak kaki ke Kutub Utara, tetapi hanya melakukan pendaratan secara bebas tanpa formasi penerjunan berkumpulan dilakukan.

"Kita adalah negara pertama di dunia yang berjaya melakukan formasi penerjunan canopy lima bertingkat dan diiktiraf sebagai rekod dunia," katanya.

Menurutnya, misi untuk mengadakan penerjunan berformasi pada mulanya tidak digalakkan oleh pakar Russia kerana ia bahaya dilakukan pada suhu di bawah 40 darjah celcius.

"Bagaimanapun, dengan keyakinan dan kecekalan untuk meletakkan nama negara di mercu kejayaan, kami bertekad melakukannya. Terbukti kejayaan kami diiktiraf dan ia untuk rakyat Malaysia," katanya.

Katanya, lima penerjun terbabit menanggung risiko Abdul Rahmat Omar Tun Mohd Haniff, 32, tidak pernah gentar kerana ekspedisi itu bukan sekadar untuk kepuasan diri tetapi memastikan kejayaan negara melakukan sesuatu yang luar biasa.

"Semua orang tahu ekspedisi ini berbahaya kerana sebagai rakyat Malaysia kita tidak pernah terdedah dengan suhu yang begitu sejuk.

"Sebab itu ramai orang kata ini kerja gila tetapi dengan segala usaha tidak ustahil kami memacakkan bendera negara di Kutub Utara," katanya.

Abdul Rahmat mula menceburkan diri dalam bidang sukan payung tejun sejak 1989 manakala terjunan bebas pada 1993.

Mejar Kamaruddin Abdullah juga menyifatkan kejayaan ekspedisi itu membuktikan rakyat Malaysia yang berpegang pada prinsip "Yakin Boleh", boleh melakukan apa saja seperti dilakukan masyarakat Barat.

"Kami menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahu rakyat Malaysia menghadapi cabaran. Kami lakukannya dan terbukti berjaya," katanya.

Kamaruddin yang berpengalaman kira-kira 19 tahun dalam bidang penerjunan, berkata cabaran paling hebat di Kutub Utara adalah cuaca sejuk yang tidak pernah dialami, iaitu 41 darjah Celcius bawah paras beku.